



# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2023-2027

ORGANISATIONAL  
ANTI CORRUPTION  
PLAN (OACP)

## PEJABAT DAERAH & TANAH *Barat Daya*

Telefon : 04-868 9400 | Faks : 04-8661593 | Emel : pdtbd@penang.gov.my  
Portal : <https://portalpdt.penang.gov.my/> | Facebook : <https://www.facebook.com/PDTBD/>



## PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, Pejabat Daerah dan Tanah, Barat Daya telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* Pejabat Daerah dan Tanah, Barat Daya (2023 - 2027). Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini.

Pelan ini merupakan dokumen dasar anti-rasuah di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan anti-rasuah dalam kalangan warga PDTBD. Selaras dengan hasrat Kerajaan bagi mewujudkan negara bebas rasuah, setiap warga PDTBD perlu menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam sebagai entiti awam yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. Integriti merupakan kualiti asas yang perlu ada dalam jiwa setiap penjawat awam. Untuk memenuhi harapan rakyat, sistem penyampaian perkhidmatan awam perlu berteraskan nilai-nilai amanah.

OACP PDTBD juga menekankan mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan. Marilah kita bersama-sama menjiwai dan melaksanakan setiap inisiatif yang direncanakan dengan penuh keikhlasan serta mengamalkan penghayatan yang berterusan supaya matlamat utama penggubalan pelan ini dapat dicapai dan membawa impak maksima seperti yang dihasratkan.

**TUAN MOHD HAFIZ ASWAD BIN NADZRI**  
PEGAWAI DAERAH  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH,  
BARAT DAYA



## ISI KANDUNGAN

### **BAB 1: PENGENALAN**

LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH DAN TANAH, BARAT DAYA	6
DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL	9
ISU DAN CABARAN	10
KESAN RASUAH KEPADA PDTBD	13
PENILAIAN RISIKO RASUAH DI PDTBD	15

### **BAB 2: SENARIO MASA HADAPAN**

SENARIO UTAMA YANG DITETAPKAN DI-PERINGKAT NASIONAL	27
SENARIO KESINAMBUNGAN	28
SENARIO KEKANGAN	29
SENARIO PERKEMBANGAN	30
SENARIO MERUDUM	31

### **BAB 3: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH**

KERANGKA OACP PDTBD 2023-2027	34
BIDANG KEUTAMAAN, STRATEGI DAN INISIATIF	35
BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN TANAH	36
BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN PROJEK	38
BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM	39
BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG	41

### **BAB 4: TADBIR URUS**

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN	44
SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP	46

### **BAB 5: KESIMPULAN**

KESIMPULAN	48
PENGHARGAAN	49
JAWATANKUASA PEMANTAUAN OACP	50

“Saya mengharapkan kita sebagai penjawat awam terus memberikan perkhidmatan yang mengutamakan rakyat dengan penuh profesional dan berintegriti, apatah lagi dalam era pasca normal yang mencabar dan penuh dengan ketidakpastian. Usaha untuk memaju dan membangunkan negara ditambah dengan situasi semasa memerlukan kejituan semangat serta pegangan kukuh kepada ikrar profesionalisme perkhidmatan awam demi menjamin penyampaian perkhidmatan terbaik.”

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali**  
**Ketua Setiausaha Negara**





**Sabda Rasulullah SAW**  
**“Rasulullah SAW melaknat orang yang**  
**memberi rasuah dan orang yang menerimanya”**  
**(Riwayat Abu Daud)**



# BAB 1


# PENGENALAN




## LATAR BELAKANG : PEJABAT DAERAH DAN TANAH, BARAT DAYA

Pejabat Daerah dan Tanah, Barat Daya bermula dengan pembinaan pejabatnya oleh seorang Penghulu dari pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris, Datuk Bahauddin pada tahun 1880. Pembentukan Pejabat Daerah ini adalah sejajar dengan pembangunan Pejabat Kerajaan yang lain dalam tempoh tersebut. PDTBD telah menjangkau usia 133 tahun dan terletak di kawasan Bandar Balik Pulau, Pulau Pinang. Seramai 63 Pegawai Daerah telah berkhidmat di PDTBD, yang pertama adalah A.W.S.O Sullivan (Tahun 1888-1889) dan sedang berkhidmat adalah Tuan Mohd Hafiz Aswad b. Nadzri ( Tahun 2018 sehingga kini).


Pentadbiran PDTBD terbahagi kepada empat (4) bahagian utama:




## FUNGSI DAN PERANAN




**CARTA ORGANISASI PEJABAT DAERAH DAN TANAH, BARAT DAYA.**



**VISI, MISI DAN MOTO**



## NILAI MURNI



## OBJEKTIF STRATEGIK

- Memantapkan Keupayaan Jabatan Untuk Sentiasa Menambah Baik Sistem Penyampaian Perkhidmatan
- Mengamalkan Tatakelola, Tadbir Urus Terbaik dan Pembudayaan Nilai-Nilai Murni
- Memperkukuh Pengurusan dan Pentadbiran Tanah
- Memantapkan Hubungan dan Kolaborasi Strategik
- Melaksanakan Pembangunan Berorientasikan Infra Rakyat dan Kesejahteraan Rakyat

## DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Agenda menangani isu integriti, rasuah dan salah laku menjadi keutamaan negara dalam usaha untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran peruntukan kerajaan dapat dihapuskan. Perkhidmatan awam yang berteraskan prinsip governans, integriti dan anti-rasuah akan dapat memantapkan imej dan kualiti perkhidmatan awam serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Selaras dengan komitmen yang berterusan, pelbagai inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan termasuklah Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, dan terkini, Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023.



## PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS DI PERINGKAT PDTBD

PDTBD sentiasa menyokong usaha Kerajaan dalam membanteras rasuah dan salah laku. Selari dengan tadbir urus peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (PSUKPP), PDTBD mengambil inisiatif dengan melaksanakan pematuhan kepada perkara-perkara seperti berikut:



## ISU DAN CABARAN

Isu dan cabaran rasuah dalam sektor awam adalah antara yang paling kerap dibincangkan di banyak negara. Berikut adalah beberapa isu dan cabaran rasuah dalam sektor awam yang sering dikaitkan:

KELEMAHAN SISTEM DAN PROSEDUR KERJA SEDIA ADA

KELEMAHAN KAWALAN DALAMAN

TERDAPAT RUANG DAN PELUANG UNTUK SALAH GUNA  
KUASA/ RASUAH

KURANGNYA PENGHAYATAN NILAI-NILAI MURNI

KELEMAHAN PENGURUSAN MAKLUMAT

## STATISTIK RASUAH DALAM SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

Menurut Indeks Persepsi Korupsi (CPI) 2021 yang dikeluarkan oleh *Transparency International*, Malaysia berada pada kedudukan ke-57 daripada 180 negara yang diukur, dengan skor CPI 51 daripada 100. Skor CPI ini menunjukkan tahap persepsi terhadap tahap korupsi di negara tersebut.

Selain itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan bahawa sejumlah 5,860 kes rasuah telah direkodkan dari Januari hingga Ogos 2021 di seluruh negara, dengan keseluruhan jumlah nilai rasuah yang dicatatkan sebanyak RM283.99 juta.

CPI merupakan penanda aras utama di peringkat global bagi rasuah sektor awam yang memberikan gambaran tahunan berkaitan tahap rasuah dengan menentukan kedudukan negara-negara di seluruh dunia. Tahap ranking sesebuah negara menunjukkan kedudukan negara tersebut berbanding negara lain dalam indeks tersebut. Semakin rendah kedudukan, semakin kurang rasuah berlaku di sesebuah negara itu.

Statistik ini menunjukkan bahawa isu rasuah masih menjadi cabaran dalam sektor awam di Malaysia, dan usaha pencegahan dan penyelesaian perlu terus ditingkatkan.

Berdasarkan Laporan Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index (CPI)*) Tahun 2020 yang dikeluarkan oleh *Transparency International*, Malaysia pada 28 Januari 2021, kedudukan Malaysia dalam CPI dunia bagi tahun 2020 jatuh ke kedudukan 57 berbanding tangga 51 pada 2019. Skor Malaysia juga menurun dua mata kepada 51 daripada 53 mata berbanding tahun sebelumnya.

CPI merupakan penanda aras utama di peringkat global bagi rasuah sektor awam yang memberikan gambaran tahunan berkaitan tahap rasuah dengan menentukan kedudukan negara-negara di seluruh dunia. Tahap ranking sesebuah negara menunjukkan kedudukan negara tersebut berbanding negara lain dalam indeks tersebut. Semakin rendah kedudukan, semakin kurang rasuah berlaku di sesebuah negara itu.


TAHUN	KEDUDUKAN	SKOR
2014	51	52
2015	54	50
2016	55	49
2017	62	47
2018	61	47
2019	51	53
2020	57	51

Kedudukan Malaysia dalam CPI dunia bagi tahun 2020 yang jatuh ke kedudukan 57 berbanding tangga 51 pada tahun 2019

\*Sumber: *Transparency International Malaysia*

## LAPORAN TATATERTIB

Berdasarkan Laporan Tindakan Tatatertib bagi tempoh tiga (3) tahun bermula tahun 2020 sehingga 2022, terdapat satu (1) kes salah laku disiplin yang dikenakan tindakan tataterti di Pejabat Daerah dan Tanah, Barat Daya.



BIL	JENIS KESALAHAN	TAHUN		
		2020	2021	2022
1	Tidak Hadir Bertugas	0	0	1
2	Penyalahgunaan Dadah	0	0	0
3	Gangguan Seksual	0	0	0
4	Keberhutanagan yang Serious	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>

## KESAN RASUAH KEPADA PDTBD



## ANALISIS DATA

Pelbagai sumber data dan maklumat telah diberi perhatian dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan urus tadbir, integriti dan rasuah di PDTBD. Hal ini penting bagi memastikan PDTBD sentiasa berada di tahap terbaik dari sudut penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi. Justeru, Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) PDTBD telah menganalisa beberapa data yang berkaitan (sumber dalaman dan luaran) bagi membantu usaha mengenal pasti risiko-risiko yang berupaya menyumbang ke arah kelemahan, tadbir urus, integriti dan rasuah. Data data yang dikaji adalah seperti berikut :

- i. Laporan Kes Tatatertib Jabatan.
- ii. Laporan Audit Dalam
- iii. Bengkel OACP
- iv. Penarafan Bintang (Sistem Star Rating)

Sehubungan dengan itu,dalam konteks pencegahan anti rasuah dan salah laku intergriti di dalam OACP PDTBD, pendekatan yang diambil kira adalah seperti berikut :

- i. Memperkuatkan sistem pengurusan dan kawalan dalaman: Organisasi harus mempunyai prosedur pengurusan dan kawalan dalaman yang kukuh untuk mengenal pasti potensi risiko dan mencegah tindakan yang salah.
- ii. Pendidikan dan latihan: Pendidikan dan latihan boleh membantu meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang nilai-nilai integriti dan antirasuah, serta memperkenalkan teknik pengurusan risiko dan penguatkuasaan.
- iii. Pemantauan dan penilaian: Organisasi perlu memantau dan menilai keberkesanan program pencegahan antirasuah dan integriti untuk menilai keperluan penambahbaikan.
- iv. Pelaksanaan polisi dan prosedur yang kukuh: Polisi dan prosedur yang kukuh perlu diwujudkan dan dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan amalan yang beretika dan meminimumkan risiko amalan yang salah.
- v. Pemerksaan pelaporan: Organisasi harus memastikan bahawa individu dan organisasi yang mempunyai maklumat tentang amalan yang salah boleh melaporkannya tanpa rasa takut atau ancaman.
- vi. Kerjasama dengan pihak berkuasa: Organisasi perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha untuk mengesan dan mengambil tindakan terhadap perkara yang salah.
- vii. Pengekalan integriti dan keterbukaan: Organisasi perlu memastikan bahawa mereka mempertahankan integriti dan keterbukaan dalam urus niaga mereka dan memastikan bahawa pihak luar mempunyai akses kepada maklumat yang diperlukan.

## PENILAIAN RISIKO RASUAH DI PDTBD

Bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan anti-rasuah di PDTBD yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi, PDTBD telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah.

Antara mekanisme yang digunakan untuk melaksanakan penilaian risiko adalah:

Menganalisis risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan anti-rasuah semasa Bengkel Pembangunan OACP Peringkat Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang dan semua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Pulau Pinang;

Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan-laporan audit, kajian kepuasan pelanggan dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN);

Data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara, Suruhanjaya Rasuah Malaysia dan Biro Pengaduan Awam.



## RASUAH TERHADAP WARGA PDTBD

Risiko rasuah kepada warga PDTBD boleh dibahagikan kepada isu dalaman dan luaran.

### ISU DALAMAN

PERKARA	SKOP	ISU	RISIKO
<b>KEWANGAN</b>	Pengurusan Tanah	Kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan	Salahguna kuasa dalam mengurus urusan tanah
	Pengurusan Projek	Pemantauan projek/ kerja yang lemah oleh pegawai	Projek tidak menepati spesifikasi/ Projek terbengkalai/ Projek sakit
		Kegagalan mematuhi prosedur kerja pelbagai aspek	Meminta atau menerima rasuah daripada kontraktor/ pembekal
	Perolehan Awam	Pemantauan proses perolehan yang lemah oleh pegawai	Penerimaan bekalan/perkhidmatan yang tidak mengikut spesifikasi
	Penguatkuasaan Undang-Undang	Penyalahgunaan kuasa dan pegawai membocorkan maklumat operasi penguatkuasaan	Tindakan penguatkuasaan tidak efektif
<b>TEKNOLOGI</b>	Pengurusan Tanah	Kawalan penggunaan sistem e-Tanah yang lemah	Pegawai mengambil kesempatan untuk menyeleweng kutipan hasil ke dalam akaun/ poket sendiri.
			Membuka ruang kepada ketirisan maklumat dan pemalsuan dokumen
	Pengurusan Projek	Salahguna teknologi telefon pintar dalam Jawatankuasa Sebutharga/ Tender	Pegawai membocorkan maklumat keputusan petender berjaya
Penguatkuasaan Undang-Undang	Kebergantungan kepada penggunaan teknologi	Pegawai tidak melakukan siasatan dan pemantauan di tapak. Hanya mempercayai bukti melalui gambar atau aplikasi yang digunakan	

<b>KOMPETENSI</b>	Pengurusan Tanah	Tiada pusingan kerja. Pegawai ditempatkan dalam tempoh yang lama di jawatan sensitif	Pegawai cenderung terhadap sogokan
		Pegawai kurang berpengalaman	Berlaku kesalahan dan menyebabkan kerugian kepada kerajaan akibat disaman
	Pengurusan Projek	Pegawai tidak melakukan lawatan tapak	Projek diperaku walaupun tidak mematuhi spesifikasi
	Perolehan Awam	Pegawai tidak melakukan kajian pasaran	Perolehan bekalan/ perkhidmatan pada harga yang tidak kompetitif
	Penguatkuasaan Undang-Undang	Kesilapan dalam penyediaan kertas siasatan dan laporan tanah	Pendakwaan dan tindakan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan
		Pegawai tidak menjalankan pemantauan dan operasi penguatkuasaan	Peningkatan kes pelanggaran syarat dan pencerobohan tanah Kerajaan
<b>OPERASI</b>	Pengurusan Tanah	Kurang kawalan dan pemantauan ke atas akses dokumen sensitif	Kakitangan menjual salinan dokumen tanpa kebenaran
	Pengurusan Projek	Kemajuan projek tidak dipantau	Projek tidak mengikut jadual kerja
	Perolehan Awam	Kelewatan menandatangani kontrak perjanjian	Tindakan undang-undang tidak dapat diambil ke atas pelanggaran kontrak
	Penguatkuasaan Undang-Undang	Pegawai meminta/ menerima sogokan daripada pelaku	Pencerobohan berlaku secara haram dan menyebabkan kehilangan hasil kepada Kerajaan Negeri
<b>PERSEKITARAN KERJA</b>	Pengurusan Tanah	Kurang kawalan akses pejabat	Kebocoran maklumat
	Pengurusan Projek		
	Perolehan Awam		
	Penguatkuasaan Undang-Undang		

## ISU LUARAN

PERKARA	SKOP	ISU	RISIKO
Politik	Pengurusan Tanah	Pengaruh orang-orang politik/ kenamaan dalam urusan pentadbiran tanah	<p>Warga kerja/ Adun menyalahgunakan kuasa untuk mempengaruhi penguatkuasa agar tindakan penguatkuasaan tidak diambil</p> <p>Menggunakan kedudukan untuk mempengaruhi keputusan permohonan</p> <p>Salah guna kuasa - membenarkan permohonan melalui ahli politik tanpa mengikut prosedur permohonan</p> <p>Mendapat akses maklumat/ dokumen sensitif tanpa mengikut prosedur</p>
	Pengurusan Projek	Sokongan berbentuk surat dan arahan daripada mana-mana orang politik untuk kepentingannya	Pegawai akan salahguna kuasa atau 'bias' dalam membuat keputusan dalam meluluskan tender atau sebutharga
	Penguatkuasaan Undang-Undang	Sokongan berbentuk surat dan arahan daripada mana-mana orang politik untuk tidak meneruskan penguatkuasaan	Tindakan penguatkuasaan akan tergendala dan pencerobohan akan terus berleluasa.
Sosial	Pengurusan Tanah	Salah faham masyarakat terhadap prosedur permohonan di Pejabat Tanah	Pegawai/orang tengah meminta sogokan untuk memberikan perkhidmatan.
	Pengurusan Projek	Orang ramai salahguna media dengan menyebarkan maklumat palsu/ tidak jelas mengenai projek	Kredibiliti dan imej Jabatan terjejas
	Penguatkuasaan Undang-Undang	Kacau ganggu orang awam dalam urusan tindakan penguatkuasaan	Pegawai mengambil kesempatan lewat-lewatkan pelaksanaan penguatkuasaan

<b>Teknologi</b>	Pengurusan Tanah	Kebergantungan kepada kepakaran luar/vendor	Penyalahgunaan data oleh kepakaran luar/ vendor
	Perolehan Awam	Kemajuan teknologi terlalu pesat	Pembelian peralatan teknologi tidak menepati keperluan kerja
<b>Perundangan</b>	Pengurusan Tanah	Undang-Undang lapuk dan tidak dikemaskini	Keputusan tidak relevan dengan situasi semasa
	Perolehan Awam		
<b>Persekitaran</b>	Pengurusan Projek	Kejadian bencana alam/ kemalangan di tapak projek	Pegawai menerima sogokan untuk menutup kesalahan pemaju/ kontraktor
	Perolehan Awam	Tekanan melalui cubaan untuk sogokan kepada kakitangan kerajaan	Pegawai menerima ugutan
<b>Penyedia Luar</b>	Pengurusan Tanah	Penilaian oleh jurunilai swasta yang rendah dari harga pasaran	Pakatan antara Jurunilai swasta, peguam dengan pentadbir tanah untuk mendapatkan keuntungan daripada pampasan yang diberikan.
			Pakatan Jurunilai swasta dan pentadbir tanah untuk mendapatkan nilai yang lebih rendah.
	Pengurusan Projek	Kebergantungan kepada kontraktor dan pembekal	Pegawai berpakat dengan penyedia luar untuk menyediakan perkhidmatan dan projek
	Perolehan Awam		

## BIDANG-BIDANG BERISIKO DI PDTBD

Berdasarkan Penilaian Risiko Rasuah yang telah dijalankan, risiko-risiko rasuah yang dikenal pasti telah dikelaskan kepada empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di PDTBD seperti berikut:

**PENGURUSAN  
TANAH**

**PENGURUSAN  
PROJEK**

**PEROLEHAN AWAM**

**PENGUATKUASAAN  
UNDANG-UNDANG**

## PENGURUSAN TANAH

KATEGORI PIHAK KEPENTINGAN	PIHAK KEPENTINGAN	KEPERLUAN	RISIKO/PELUANG
Pelanggan	Orang Awam	Dapat perkhidmatan yang lebih cekap dan efektif	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap pentadbiran tanah
	Agensi Negeri/Jabatan Persekutuan / Kementerian	Wujud koordinasi kerja antara jabatan	Peluang : Memudahkan urusan ulasan teknikal urusan kerja
	Pemaju	Mengurangkan dan menghadkan pemberian rasuah di kalangan pemaju / peguam/ jurukur	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap pentadbiran tanah
	Peguam		
	Jurukur		
MPKK	Mengurangkan aduan kepada MPKK	Peluang : Memudahkan urusan kakitangan pentadbiran tanah	
Regulator	Pengurusan Atasan	Meningkatkan imej kepimpinan pengurusan atasan	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap pentadbiran tanah
	Ahli MMK/ADUN	Membuat keputusan yang lebih tepat dan telus	Peluang : Memudahkan urusan kerja berjalan lancar

## PENGURUSAN PROJEK

KATEGORI PIHAK KEPENTINGAN	PIHAK KEPENTINGAN	KEPERLUAN	RISIKO/PELUANG
Pelanggan	Orang Awam	Mendapat perkhidmatan infrastruktur yang lebih baik	Peluang : Kemudahan yang dipohon dapat disediakan sewajarnya
		Menerima perkhidmatan yang lebih cekap, akauntabiliti dan telus	
	Kontraktor/ Pembekal/ Vendor	Peluang tawaran projek yang lebih luas	Peluang : Meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap pentadbiran tanah
		Persaingan perniagaan yang sihat dan adil	
	Agensi Kerajaan	Memantapkan perhubungan dan kerjasama antara agensi Kerajaan	Peluang : Hubungan kerjasama sesama agensi mudah terjalin
	MPKK	Menerima perkhidmatan yang lebih cekap, akauntabiliti dan telus	Peluang : Jalinan kerjasama antara Pejabat Daerah dan MPKK akan mudah diperolehi
Kepuasan hati dan keselesaan komuniti			
Regulator	Ahli MMK/ ADUN	Peningkatan kualiti perkhidmatan kepada rakyat	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap pemimpin atasan

## PEROLEHAN AWAM

KATEGORI PIHAK KEPENTINGAN	PIHAK KEPENTINGAN	KEPERLUAN	RISIKO/PELUANG
Pelanggan	Orang Awam	Menerima perkhidmatan yang lebih cekap, akauntabiliti dan telus	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan
	Kontraktor/ Pembekal/ Vendor	Peluang Mendapatkan projek	Risiko : Salah guna kuasa pemberian projek
		Mewujudkan persaingan perniagaan yang sihat dan adil	
	Agensi Kerajaan	Memantapkan perhubungan dan kerjasama antara agensi Kerajaan	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan
		Perolehan awam dengan lancar dan dasar perolehan yang jelas	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan
MPKK	Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada penduduk masing-masing	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan	
Regulator	Ahli MMK/ ADUN	Peningkatan kualiti perkhidmatan kepada rakyat	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan
		Imej Ahli MMK/ADUN terpelihara	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan
	Pengurusan Atasan	Tadbir urus yang cekap, akauntabiliti, telus	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan

## PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

KATEGORI PIHAK KEPENTINGAN	PIHAK KEPENTINGAN	KEPERLUAN	RISIKO/PELUANG
Pelanggan	Orang Awam	Menerima perkhidmatan yang lebih cekap, akauntabiliti dan telus	Peluang : Persepsi positif kepada pentadbiran tanah
	Peniaga	Mengurangkan dan mengesahkan pemberian rasuah	Peluang : Persepsi positif kepada pentadbiran tanah
		Mewujudkan persaingan perniagaan yang sihat dan adil	Risiko : Berlaku ketidakpuasan kepada kontraktor/ pembekal dan berpotensi mempengaruhi kakitangan awam
	Agensi Kerajaan	Perhubungan dan kerjasama antara agensi Kerajaan yang baik	Peluang : Hubungan kerjasama sesama agensi mudah terjalin
	MPKK	Menerima perkhidmatan yang lebih cekap, akauntabiliti dan telus	Peluang : Jalinan kerjasama antara Pejabat Daerah dan MPKK akan mudah diperolehi
		Kepuasan hati dan kesejahteraan komuniti	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan
Regulator	Ahli MMK/ ADUN	Peningkatan kualiti perkhidmatan kepada rakyat	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap pemimpin atasan
		Imej Ahli MMK/ ADUN terpelihara	Peluang : Persepsi positif masyarakat terhadap Jabatan
	Pengurusan Atasan	Tadbir urus yang cekap, akauntabiliti, telus	

**ALLAH S.W.T BERFIRMAN :**  
“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kalian mengkhianati Allah dan Rasul- (Nya) dan (juga) janganlah kalian mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepada kalian, sedangkan kalian mengetahui. Dan ketahuilah bahwa harta kalian dan anak-anak kalian itu hanyalah sebagai cubaan, dan sesungguhnya di sisi Allahlah pahala yang besar.”  
Surah Al-Anfal, Ayat 27 dan 28

# BAB 2

# SENARIO MASA HADAPAN



## SENARIO UTAMA YANG DITETAPKAN DI PERINGKAT NASIONAL

Pelan Anti-Rasuah PDTBD 2023-2027 dibangunkan dengan merujuk empat (4) senario utama yang telah ditetapkan di peringkat nasional untuk meramalkan keadaan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam kaitan risiko rasuah dengan tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh sesebuah agensi. Perkara ini meliputi senario kesinambungan, senario kekangan, senario perkembangan dan senario merudum seperti berikut:

### SENARIO KESINAMBUNGAN (*CONTINUATION*)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Anti-Rasuah, tetapi tidak berupaya untuk bertahan dan mapan

### SENARIO KEKANGAN (*LIMITS & DISCIPLINED*)

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Anti-Rasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

### SENARIO PERKEMBANGAN (*GROWTH*)

Masa hadapan yang dimana hasil kewujudan Pelan Anti-Rasuah telah menyebabkan anjakan menuju rasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

### SENARIO MERUDUM (*COLLAPSE*)

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian

## SENARIO KESINAMBUNGAN

### PENGURUSAN TANAH

- Penggunaan teknologi maklumat sebagai platform dan mekanisme tadbir urus, kerajaan yang lebih responsif dan kualiti penyampaian perkhidmatan meningkat. Namun begitu, kegagalan untuk mengguna pakai teknologi maklumat serta manipulasi sistem berupaya menjejaskan kejayaan pencapaian pengurusan tanah.

### PENGURUSAN PROJEK

- Proses pelaksanaan projek/program dikemaskini, dikuatkuasa dan dipantau secara strategik bagi mengurangkan berlakunya manipulasi. Namun begitu masih terdapat ruang berlakunya penyalahgunaan kuasa dan pengaruh luar.

### PEROLEHAN AWAM

- Penglibatan tenaga manusia dapat dikurangkan melalui implementasi penggunaan sistem dan teknologi baharu. Tahap kemahiran serta ketelusan pegawai akan dapat dipertingkatkan serta tahap birokrasi akan dapat dikurangkan atau dihapuskan. Walau bagaimanapun, aspek seperti ketirisan maklumat atau ketirisan wang awam melalui kaedah perolehan secara rundingan terus dan juga arahan-arahan daripada pihak tertentu masih dijangka akan berlaku.

### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Salah satu senario kesinambungan penguatkuasaan undang-undang adalah dengan memastikan pelaksanaan undang-undang dan peraturan dijalankan dengan berkesan dan telus.

## SENARIO KEKANGAN

### PENGURUSAN TANAH

- Pengurusan tanah yang baik berlaku tetapi terlalu bergantung kepada personaliti individu untuk memacu kejayaannya. Namun, dalam jangka panjang rasuah masih berlaku disebabkan usaha yang tidak terangkum.

### PENGURUSAN PROJEK

- Prosedur pengurusan projek telah ditetapkan secara spesifik. Walau bagaimanapun, Pengurusan projek masih mengikut kaedah lama berikutan masih terdapat campur tangan terhadap proses membuat keputusan.

### PEROLEHAN AWAM

- Polisi dan dasar kerajaan dimanipulasi oleh pihak berkepentingan dan penggunaan teknologi masih gagal mengekang salah laku integriti.

### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Salah satu senario kekangan penguatkuasaan undang-undang adalah apabila undang-undang dan peraturan yang ada tidak mencukupi untuk mengatasi cabaran semasa atau tidak berkesan untuk membanteras ketidakcekapan tersebut.

## SENARIO PERKEMBANGAN

### PENGURUSAN TANAH

- Peningkatan kapasiti sumber manusia dan penggunaan teknologi digital yang menyeluruh akan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan tanah secara keseluruhan dan tahap keyakinan penerima perkhidmatan adalah tinggi.

### PENGURUSAN PROJEK

- Proses pementapan ilmu dan kemahiran pelaksanaan projek sentiasa dilaksanakan dan penguatkuasaan tindakan tatatertib yang lebih menyeluruh dan berkesan.

### PEROLEHAN AWAM

- Insiden salah guna kuasa dalam perolehan awam dapat dikurangkan ke tahap yang minimum didukung oleh penjawat awam yang lebih berintegriti, cekap, berilmu dan amanah dalam memelihara kepentingan negara. Pengurusan perolehan awam juga akan lebih efisien dan akan menjimatkan kos kepada rakyat.

### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Salah satu senario perkembangan penguatkuasaan undang-undang adalah peningkatan kesedaran dan pengetahuan tentang pentingnya pengurusan suatu proses kerja yang berkesan dan keperluan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan.

## SENARIO MERUDUM

### PENGURUSAN TANAH

- Karenah birokrasi serta campur tangan pihak berkepentingan menjadi sebatik dalam penyampaian perkhidmatan awam justeru mempengaruhi pembuatan keputusan. Ini telah mengakibatkan berlakunya ketidakpatuhan, ketiadaan kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran dalam pengurusan tanah.

### PENGURUSAN PROJEK

- Perancangan dan pelaksanaan projek terdedah kepada risiko rasuah dan penyalahgunaan kuasa demi kepentingan peribadi tanpa sebarang tindakan pencegahan.

### PEROLEHAN AWAM

- Penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkepentingan yang memegang kuasa perolehan menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundingan awam juga tidak wujud. Platform teknologi dimanipulasi oleh pihak dalaman.

### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Salah satu senario kekangan penguatkuasaan undang-undang adalah apabila terdapat kelemahan dalam sistem penguatkuasaan dan ketiadaan komitmen dalam memastikan pelaksanaan undang-undang dan peraturan.

**Sabda Rasulullah SAW  
"Pemberi rasuah dan  
penerima rasuah  
berada dalam  
api neraka"  
(Riwayat at-Thobarani)**



# BAB 3

# MEMPERKASA

# USAHA PENCEGAHAN

# RASUAH



## KERANGKA OACP PDTBD 2023 - 2027



## MATLAMAT

1

Meningkatkan Kecekapan dan Responsif dalam Penyampaian Perkhidmatan

2

Berintegriti Dalam Meningkatkan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Rakyat

## BIDANG KEUTAMAAN, STRATEGI DAN INISIATIF



## STRATEGI

- Memperkukuhkan akauntabiliti dan integriti pentadbiran dan perkhidmatan pengurusan tanah
- Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan projek dalam perkhidmatan awam
- Menguruskan perolehan secara cekap dan telus secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan
- Menginstitusikan kredibiliti agensi yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang Negeri

## BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN TANAH

### STRATEGI

- Memperkukuhkan akauntabiliti dan integriti pentadbiran dan perkhidmatan pengurusan tanah

### OBJEKTIF

- Memastikan pengurusan tanah diurus dan dilaksanakan mengikut undang -undang dan dasar yang ditetapkan

PROSES	RISIKO	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA	SASARAN
Permohonan tanah kerajaan	Orang Awam cenderung untuk menawarkan sogokan kepada Pegawai untuk meluluskan urusan pembangunan dan pelupusan tanah walaupun tidak memenuhi kriteria	Mengadakan pusingan kerja setiap lima tahun sekali	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)	5 tahun (2023-2027)	Memo pertukaran tugas dikeluarkan kepada kakitangan terlibat
Permohonan tanah kerajaan	Salahguna kuasa dalam mengurus urusan tanah	Memastikan Pegawai mempunyai tahap integriti yang tinggi	Pembantu Tadbir Unit PNP	5 tahun (2023-2027)	Pegawai dan kakitangan dihantar sekurang-kurangnya satu (1) kursus/ bengkel setiap tahun

Permohonan tanah kerajaan	Orang awam cenderung untuk menawarkan sogokan kepada Pegawai untuk membocorkan maklumat sensitif	Memastikan Pegawai mempunyai tahap integriti yang tinggi	Pembantu Tadbir Unit PNP	5 tahun (2023-2027)	Memastikan penyimpanan fail terperingkat adalah mengikut tatacara yang ditetapkan.  Pegawai dan kakitangan dihantar sekurang-kurangnya satu (1) kursus/ bengkel setiap tahun
Penyediaan laporan tanah	pegawai menerima suapan daripada tuan tanah untuk memalsukan maklumat dan menyediakan laporan tanah yang tidak tepat	Memastikan Pegawai mempunyai tahap integriti yang tinggi	Penolong Pegawai Tanah	5 tahun (2023-2027)	Pegawai dan kakitangan dihantar sekurang-kurangnya satu (1) kursus/ bengkel setiap tahun
Perampasan tanah di bawah Seksyen 100 KTN	pegawai menerima suapan daripada tuan tanah/ahli politik untuk tidak mengesyorkan tindakan perampasan ke atas tanah yang mempunyai tunggakan cukai yang tinggi	Campur tangan daripada pihak luar seperti YB ADUN Kawasan hendaklah dielakkan	Penolong Pegawai Tanah	5 tahun (2023-2027)	Pegawai dan kakitangan dihantar sekurang-kurangnya satu (1) kursus/ bengkel setiap tahun
Proses Penguatkuasaan	pegawai menerima suapan daripada tuan tanah untuk tidak menjalankan operasi penguatkuasaan	Mengadakan pusingan kerja dikalangan Penolong Pegawai Tanah setiap 5 tahun sekali	Penolong Pegawai Daerah (Tanah) 2	5 tahun (2023-2027)	Memo pertukaran tugas dikeluarkan kepada Penolong Pegawai Tanah yang terlibat

## BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN PROJEK

### STRATEGI

- Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan projek dalam perkhidmatan awam

### OBJEKTIF

- Memastikan ketelusan perolehan awam, pengurangan risiko, penyelewengan pasaran dan anti persaingan yang tidak sihat

PROSES	RISIKO	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA	SASARAN
Pengurusan Projek	Kontraktor memberi rasuah kepada penyelia projek untuk mengesyorkan bayaran dibuat walaupun projek belum siap sepenuhnya	Jadual pelaksanaan projek dikawalselia oleh Penolong Jurutera dan Pegawai yang terlibat( <i>Gantt's Chart</i> )	Penolong Pegawai Daerah Pembangunan (Fizikal) dan Penolong Jurutera	5 tahun (2023-2027)	Senarai kontraktor tahun sebelumnya akan dikeluarkan pada tahun berikutnya dan diserahkan prestasi kontraktor ini kepada Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia.
Permohonan Bantuan Baiki/Bina Baharu Rumah Miskin	Pegawai terdedah kepada maklumat yang tidak berintegriti	Pemohon ditapis secara temuduga selepas disiasat oleh Penghulu Kawasan	Penolong Pegawai Daerah Pembangunan (Masyarakat)	5 tahun (2023-2027)	Memastikan setiap permohonan di tapis dan ditemuduga

## BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM

### STRATEGI

- Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam

### OBJEKTIF

- Meningkatkan ketelusan perolehan awam, pengurangan risiko rasuah

PROSES	RISIKO	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA	SASARAN
Perolehan Awam	Kontraktor memberi ganjaran kepada warga kerja Pengurusan untuk mengesahkan barangan yang tidak mengikut kuantiti yang dipesan.	Pegawai kewangan perlu menyemak dokumen adalah lengkap, teratur dan sempurna	i.Ketua Unit/ Bahagian ii)Unit pembayaran	setiap bulan (2023-2027)	i) Pegawai yang terlibat perlu menghadiri Kursus Integriti Perolehan Kerajaan secara tahunan  ii) Memastikan tahap kualiti dan kuantiti produk atau perkhidmatan adalah sama dengan perihal permohonan
Perakaunan	Pembekal memberi ganjaran kepada Pegawai kewangan untuk memproses bayaran walaupun dokumen tuntutan adalah palsu	i.Menyemak dokumen yang dikemukakan bagi tujuan pembayaran adalah lengkap, teratur dan sempurna	i.Ketua Unit/ Bahagian ii)Unit pembayaran	5 tahun (2023-2027)	i) Pegawai yang terlibat perlu menghadiri Kursus Integriti Perolehan Kerajaan secara tahunan

Pemberian Bantuan i-Sejahtera dan Program Suri Emas	1. Bantuan diluluskan dengan tidak sewajarnya 2. Pegawai terdedah kepada maklumat yang tidak berintegriti	i. Mengadakan kursus pemantapan SOP permohonan baru	Unit pembayaran	5 tahun (2023-2027)	Pegawai dan kakitangan dihantar sekurang-kurangnya satu (1) kursus/ bengkel setiap tahun
Permohonan Gerai/ Bantuan Alatan Perniagaan	Pegawai terdedah kepada maklumat yang tidak berintegriti	1. Penglibatan Penghulu Kawasan bagi gerai & pemohon bantuan peralatan sewaktu sesi temuduga 2. Penemuduga memastikan hanya pemohon yang layak sahaja dipertimbangkan	Penolong Pegawai Daerah Pembangunan (Masyarakat)	5 tahun (2023-2027)	Memastikan penemuduga haruslah merupakan entiti berbeza dengan pihak yang berkepentingan

Corruption is a cancer that steals from the poor, eats away at governance and moral fibre and destroys trust.

Robert Zoellick

## BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

### STRATEGI

- Memperkuhkan akauntabiliti dan integriti pentadbiran dan perkhidmatan pengurusan tanah

### OBJEKTIF

- Memastikan pengurusan tanah diurus dan dilaksanakan mengikut undang -undang dan dasar yang ditetapkan

PROSES	RISIKO	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA	SASARAN
Proses Penguatkuasaan	Kegagalan menjalankan operasi penguatkuasaan	Pelaporan semula pelaksanaan tindakan penguatkuasaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Aktiviti Penguatkuasaan Tanah Kerajaan	Penolong Pegawai Tanah Kanan	5 tahun (2023-2027)	Memastikan Pelaporan semula pelaksanaan tindakan penguatkuasaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Aktiviti Penguatkuasaan Tanah Kerajaan dikemukakan setiap tahun
Proses Penguatkuasaan	Pengeluaran bahan batuan/pasir secara haram	Pelaporan semula pelaksanaan tindakan penguatkuasaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Aktiviti Penguatkuasaan Tanah Kerajaan	Penolong Pegawai Tanah Kanan	5 tahun (2023-2027)	Memastikan Pelaporan semula pelaksanaan tindakan penguatkuasaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Aktiviti Penguatkuasaan Tanah Kerajaan dikemukakan setiap tahun
Proses Penguatkuasaan	Sokongan berbentuk surat dan arahan daripada mana-mana orang politik untuk tidak meneruskan tindakan penguatkuasaan	Membenteng isu ini untuk diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Aktiviti Penguatkuasaan Tanah Kerajaan	Penolong Pegawai Daerah (Tanah) 2	5 tahun (2023-2027)	Memastikan semua tindakan penguatkuasaan dijalankan mengikut kelulusan

**FIRMAN Allah SWT:**

“Dan janganlah sebahagian daripada kalian memakan (atau mengambil) harta (sebahagian orang lain) antara kalian dengan jalan yang batil (salah dan haram), dan janganlah pula kalian menghulurkan harta kalian (memberi rasuah) kepada pihak yang mengendalikan hukuman (pemerintah yang berkuasa dan para hakim), supaya kalian dapat memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kalian mengetahui (akan salahnya perbuatan itu).”

**(Surah al-Baqarah: 188)**

# BAB 4


# TADBIR URUS

# OACP

# PDTBD

## MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Bagi memastikan semua inisiatif OACP PDTBD dilaksanakan secara cekap, sistematik dan holistik, kerjasama dan keterlibatan pihak pengurusan tertinggi, warga PDTBD, pelanggan dan stateholder adalah penting agar Pelan OACP PDTBD bergerak seiring dengan NACP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP PDTBD terdiri daripada struktur seperti berikut:



### JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) PERINGKAT PSUKPP

- Menerima Laporan Prestasi Suku Tahun OACP PDTBD atau kekerapan penerimaan laporan tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa
- Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP PDTBD
- Membuat keputusan dan menetapkan dasar

### JAWATANKUASA PEMANTAUAN OACP PDTBD

- Memantau status pelaksanaan OACP setiap suku tahun atau kekerapan pemantauan status tertakluk kepada ketetapan JAR PSUKPP
- Melaporkan status pelaksanaan OACP setiap suku tahun kepada JAR PSUKPP atau kekerapan pelaporan status tertakluk kepada ketetapan JAR PSUKPP
- Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan

### PENYELARAS OACP BAHAGIAN/UNIT DI BAWAH PDTBD


- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif yang melibatkan Bahagian/Unit
- Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana
- Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Pemantauan OACP PDTBD atau kekerapan pengemukakan laporan tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa

## SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP

Penilaian pencapaian dan semakan semula keberkesanan OACP PDTBD ini akan dijalankan pada setiap tahun bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.

Kajian semula atau kajian keberkesanan OACP akan dibuat pada tahun 2024 untuk menentukan keberkesanan secara holistik.

Tindakan pembaharuan pada akhir empat (4) tahun dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.



Al-Sobuni berkata:  
"Janganlah sebahagian  
kamu memakan  
sebahagian harta yang  
lain dengan cara yang  
tidak dihalalkan oleh  
Allah seperti kamu  
memberi rasuah kepada  
hakim-hakim."  
(Sofwah al-Tafasir)

# BAB 5

# KESIMPULAN



## KESIMPULAN

PDTBD beriltizam dan akan sentiasa berusaha memberi sokongan penuh kepada semua usaha dan hasrat kerajaan dalam pengukuhan integriti, governans dan antirasuah melalui penggubalan OACP PDTBD 2023 - 2027.

Pelan Anti-Rasuah Organisasi PDTBD ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan dan mengandungi 15 pelan tindakan melalui empat (4) strategi utama telah digariskan bagi menangani masalah rasuah dan salah laku integriti yang telah dan mungkin berlaku bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Dalam memastikan pelaksanaan inisiatif yang telah digariskan dalam OACP PDTBD dapat dicapai, komitmen semua pihak adalah amat diharapkan terutamanya dari segi tindakan serta memastikan sumber manusia *dan kewangan adalah mencukupi sebagaimana yang diperlukan.*

*Maklumbalas yang berterusan daripada semua pihak adalah amat diperlukan bagi memastikan usaha ini adalah relevan dari semasa ke semasa. Akhir sekali, pemantauan dan kajian keberkesanan secara berterusan adalah satu kemestian agar selari dengan agenda utama negara untuk membanteras rasuah dalam sektor awam.*



## **PENGHARGAAN**

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu bagi memberikan input, analisis, panduan dan sokongan dalam pembangunan OACP PDTBD.

**TUAN MOHD HAFIZ ASWAD BIN NADZRI**  
Pegawai Daerah

**PUAN NURSHAMSHINAZ BINTI SHAMSUDDIN**  
Ketua Penolong Pegawai Daerah Kanan  
(Tanah)

**ENCIK ROSLI BIN HASSAN**  
Ketua Penolong Pegawai Daerah  
(Pembangunan Daerah)

**ENCIK MOHD ALIFF BIN MOHD NASSER**  
Penolong Pegawai Daerah Kanan  
(Pengurusan Daerah)

**ENCIK ABDUL HAKIM BIN NASHARUDDIN**  
Penolong Pegawai Daerah  
(Pendaftaran)

**PUAN FARHANA BINTI MAHD TAHIR**  
Penolong Pegawai Daerah  
(Penguatkuasaan dan Teknikal)

**PUAN FARAH FARHANA BINTI MOD MA'ASUM**  
Penolong Pegawai Daerah  
(Pembangunan Fizikal)

**PUAN ROHANA BINTI KAMARUL ARIFFIN**  
Penolong Pegawai Daerah  
(Pembangunan Masyarakat)

**PUAN NORHASLINDA BINTI HASHIM**  
Penolong Pegawai Tadbir  
(Pengurusan Daerah)

**PUAN NUR DINIE BINTI ABDUL JALIL**  
Penolong Pegawai Undang-undang

# **JAWATANKUASA PEMANTAUAN PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI (OACP) PEJABAT DAERAH DAN TANAH, BARAT DAYA**

## **KETUA JABATAN:**

Tuan Mohd Hafiz Aswad Bin Nadzri

## **KETUA PASUKAN:**

Puan Nurshamshinaz Binti Shamsuddin

## **AHLI:**

Encik Rosli Bin Hassan

Encik Abdul Hakim Bin Nasharuddin

Puan Farah Farhana Binti Mod Ma'asum

Puan Farhana Binti Mahd Tahir

Puan Rohana Binti Kamarul Ariffin

Puan Norhaslinda Binti Hashim

Encik Mohd Aliff Bin Mohd Nasser (Urus Setia)

Puan Noor Azlin Binti Nordin (Urus Setia)

Puan Nur Dinie Binti Abdul Jalil (Urus Setia)

Puan Syafawati Binti Ahmad (Urus Setia)

Puan Nur Azlina Binti Abd Manap (Urus Setia)

Puan Nadiyah Binti Jamaludin (Urus Setia)

Encik Muhamad Syazwi Bin Mohamad Jaffar (Editor)





**PELAN  
ANTIRASUAH  
ORGANISASI  
2023 – 2027  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
BARAT DAYA**

